



TEKS UCAPAN

**YB DATUK ARTHUR JOSEPH KURUP
TIMBALAN MENTERI PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

**MAJLIS PERASMIAN
JUALAN AGROMADANI MEGA SOOK**

**10 MAC 2024
DI PEKARANGAN TEMPAT LETAK
KERETA TAMU SOOK**

Saudara Pengacara Majlis,

(SALUTASI AKAN DIKEMASKINI)

**SELAMAT PAGI, SALAM
SEJAHTERA DAN SALAM
MALAYSIA MADANI**

1. Terlebih dahulu, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kerana kita dapat bersama-sama pada hari ini untuk menjayakan Program Jualan Agro Madani Mega, anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dengan satu hasrat penstrukturan semula ekonomi selaras dengan kerangka ekonomi MADANI: Memperkasakan rakyat.

2. Saya merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih di atas sokongan dan komitmen padu semua pihak yang telah bertungkus lumus dan bekerjasama bagi menjayakan majlis ini. Mudah-mudahan kerjasama erat ini sentiasa berterusan sebagai wadah perjuangan untuk memartabat dan memacu bidang pemasaran pertanian negara ke tahap yang lebih tinggi.

3. Penganjuran program pada hari ini secara tidak langsung mencerminkan tekad Kerajaan dalam menangani isu kos sara hidup rakyat dan peranan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sebagai penggerak utama dalam memastikan bekalan makan sentiasa

mencukupi dan tersedia buat seluruh rakyat.

Hadirin yang dihormati,

**PENCAPAIAN JUALAN AGRO
MADANI**

4. Jualan Agro Madani anjuran KPKM menggarap usaha agensi pelaksana di bawahnya iaitu Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dalam mewujudkan satu usaha bersepadu “Quick Win” berteraskan penjimatan dan mengurangkan kos sara hidup rakyat.

5. Pada tahun lalu, KPKM telah berjaya menganjurkan sebanyak **5608** Jualan Agro Madani dan berjaya mencatatkan sejumlah 2.9 juta pengunjung di sepanjang penganjuran dengan penglibatan seramai 74,800 usahawan dan nilai jualan sebanyak RM93.7 juta.

6. Program ini secara tidak langsung meningkatkan pendapatan pengeluar yang dapat menjual barangan atau hasil pengeluaran mereka terus kepada rakyat tanpa melalui orang tengah. Impaknya kepada Masyarakat umum, kita berjaya memberikan penjimatan harga barangan sebanyak RM27.8 juta kepada lebih kurang **11.6 juta isi rumah di seluruh negara.**

7. Khusus di Sabah, pada tahun 2023, FAMA Sabah telah menganjurkan sebanyak 367 Jualan AgroMADANI telah dilaksanakan di Sabah dengan mencatatkan nilai jualan keseluruhan sebanyak RM5.2 juta dan melibatkan seramai 3,990 Orang Usahawan.

8. Pada tahun ini, setakat 3 Mac 2024, Program Jualan Agro Madani itu telah dilaksanakan di 1,227 lokasi di seluruh negara, melibatkan kira-kira 16,242 usahawan tempatan serta membawa nilai penjimatan kira-kira RM7.87 juta kepada pelanggan.

Hadirin yang dihormati,

JUALAN AGROMADANI MEGA SOOK

9. Sebagai pemimpin dari kawasan pedalaman Sabah, sudah pasti saya tidak mahu masyarakat di kawasan pedalaman baik masyarakat umum mahupun para usahawan ketinggalan daripada menerima manfaat-manfaat yang ditawarkan oleh KPKM.

10. Sehubungan itu, pada hari ini dan kelmarin, saya telah membawakan inisiatif Karnival Jualan AgroMADANI Mega ke daerah kecil Sook anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

11. Karnival ini diadakan adalah bertujuan untuk mewujudkan platform kepada petani dan usahawan untuk memasarkan produk keluaran mereka secara terus dan secara tidak langsung dapat menawarkan harga yang lebih murah kepada rakyat kerana tidak melibatkan orang tengah.

12. Secara umumnya, para pengunjung boleh mendapatkan barangan agromakanan dengan kadar penjimatan sekitar 10-30 peratus. Sebagai contoh, kita membawakan jualan harga istimewa bagi set Kombo MADANI iaitu dari harga asal RM25 kepada harga promosi pada RM20 sahaja dan beras pula dijual pada

RM26 harga promosi dari harga asal RM28.50.

13. Sempena karnival ini, pihak KPKM telah menyusun pelbagai program yang memberi manfaat dan faedah kepada para pengunjung. Saya dimaklumkan bahawa sepanjang program ini berlangsung, KPKM telah menyediakan lebih 100 lot booth jualan yang boleh dikunjungi oleh para pengunjung.

14. Tidak ketinggalan juga jualan hampir 135 SKU (Stock Keeping Unit) pelbagai jenis produk agromakanan keluaran tempatan negeri Sabah yang dijual dengan harga yang sangat berpatutan.

15. FAMA juga membawakan pelbagai jenis jualan produk agromakanan seperti jualan buah-buahan, jualan produk industri makanan dan asas tani serta lain-lain. Sudah tentu para pengunjung akan menjadi rambang mata dan teruja kerana terlalu banyak pilihan yang ada disediakan.

16. Sehubungan itu, kita sasarkan Karnival Jualan AgroMADANI Mega Sook akan dapat merekodkan hasil jualan sebanyak RM250 ribu dengan jangkauan seramai 5 ribu orang pengunjung di sepanjang pameran selama 2 hari.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

PENUTUP

17. Besarlah harapan saya dan KPKM melalui penganjuran Jualan Agro MADANI, rakyat boleh mendapatkan barangan keperluan harian pada harga yang berpatutan. Semoga para usahawan dan pengeluar produk pertanian dan industri makanan menjadikan platform Karnival Jualan Agro MADANI Mega untuk memasarkan produk jualan mereka di samping dapat mempromosi dan memperkenalkan produk mereka dengan lebih meluas lagi.

18. Melihat kepada kemeriahan Program Jualan Agro Madani Mega, saya berharap usaha ini akan menarik minat orang ramai terutamanya golongan belia untuk menceburi bidang pertanian dan industri makanan kerana bidang ini mempunyai masa depan yang cerah.

19. Sekali lagi, saya mengucapkan jutaan terima kasih dan syabas kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan dan merealisasikan program ini.

20. Tidak lupa juga penghargaan saya buat hadirin sekalian kerana sudi melapangkan masa untuk hadir ke majlis pada hari ini. Semoga usaha

murni ini akan dipermudahkan dan diberkati oleh Tuhan.

21. Akhir kata, saya merakamkan ucapan selamat menyambut bulan Ramadan buat semua umat Islam di negeri ini terutamanya di Parlimen P.182 Pensiangan.

22. **Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan Karnival Jualan Agro Madani Mega Sook 2024.**

Sekian dan terima kasih.